



## IKLAN JAWATAN KOSONG

### PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan.

- Jawatan : Eksekutif Integriti
- Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Syarat Lantikan : i. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.  
ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
iii. Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Kemahiran : Pemilikan sijil pentauliahan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah/ *Certified Integrity officer* (CeIO) atau sijil berkaitan fungsi teras Integriti adalah diutamakan.
- Deskripsi Tugas : i. Menyelia, memantau dan menguruskan penerimaan maklumat/ aduan mengenai salah laku jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;



- ii. Melaksanakan tugas pengesanan dan pengesahan maklumat berkaitan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- iii. Penyediaan laporan lengkap berkenaan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dan membantu mempercepatkan prosiding tatatertib keterangan dan dokumen sokongan;
- iv. Menyediakan kertas pertimbangan Jawatankuasa Tatatertib, mengurussetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan mengambil tindakan susulan berdasarkan syor Jawatankuasa Tatatertib;
- v. Merancang, melaksana, menyelaras program pengukuhan integriti bagi meningkatkan amalam nilai-nilai murni, etika dan integriti organisasi;
- vi. Memastikan semua warga kerja mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.

### **Cara Memohon:**

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengiis borang secara atas talian melalui pautan [JawatanKosongPKCH2026](#).
2. Pemohon tidak perlu menyerahkan *hard copy* kepada PKCH.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini semasa permohonan dibuat.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Jun 2026 (Jumaat)**.
5. Hanya calon-calon yang disenarai pendek untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh 1 hingga 3 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Seksyen Sumber Manusia di talian 05-4851320.